


**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
 SIDANG AKADEMIK 21/22  
 SEMESTER I**

**HMT211 – FONETIK BAHASA MELAYU  
 TUGASAN : PEMBENTANGAN PROJEK HMT211 (10%)**

**PAUTAN VIDEO KUMPULAN 33 : [https://youtu.be/Y\\_66UUPbAmU](https://youtu.be/Y_66UUPbAmU)**

NAMA AHLI KUMPULAN	NO MATRIK	JANTINA	NEGERI	PUSAT PENGAJIAN
1)ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS	148634	PEREMPUAN	SABAH	PIIP
2)SITI AISYAH FAIQAH BINTI AMIZAN	145911	PEREMPUAN	JOHOR	PIIP
3)NUR EFFA SHAFIZA BINTI SHAMSUDIN	145566	PEREMPUAN	KEDAH	PIIP
4)MOHAMAD NORHAFIZI BIN HUSIN	148018	LELAKI	KELANTAN	PIIP

**REFLEKSI**



### REFLEKSI

Dalam tugas HMT211 yang diberikan ini, banyak perkara baharu yang telah kami pelajari. kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Norhaniza kerana banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar dalam tugas ini. Banyak cabaran dan pengetahuan baru yang kami dapat aplikasikan pada masa akan datang.

### CABARAN

- 1.cabaran sewaktu merakam suara di 3 lokasi
- 2.cabaran belajar menggunakan aplikasi baru iaitu Praat
- 3.Mengambil masa yang lama untuk menyiapkan tugas ini

### PENGETAHUAN BARU

- 1.Dapat belajar menggunakan aplikasi praat
- 2.Mengetahui bahawa setiap sebutan orang adalah berlainan
- 3.Dapat mengetahui bahawa setiap lokasi mempunyai data yang berbeza.

## **REFLEKSI**

Dalam tugas HMT211 yang diberikan ini, banyak perkara baharu yang telah kami pelajari. Pertama sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Norhaniza kerana banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar dalam tugas ini. Kumpulan kami telah berjaya menyiapkan tugas ini dalam tempoh masa yang diberikan walaupun pada awalnya kami beranggapan bahawa tugas ini adalah salah satu tugas yang susah namun disebabkan kerjasama yang diberikan oleh ahli kumpulan tugas ini menjadi lebih mudah.

Antara cabaran yang kami hadapi sepanjang menyiapkan tugas ini adalah ketika merakam suara di luar rumah, terdapat banyak gangguan yang dihadapi iaitu bunyi haiwan seperti ayam dan burung. Hal ini menyebabkan kami terpaksa merakam video berulang kali untuk memastikan rakaman yang diambil adalah yang terbaik. Namun, daripada cabaran tersebut, kami dapat belajar bahawa membuat sesuatu tugas bukanlah mudah, akan ada halangan yang perlu dilalui.

Perkara baharu dan menarik yang kami pelajari adalah cara menggunakan aplikasi praat. Secara jujurnya, aplikasi ini agak susah untuk dipelajari pada awalnya, kerana terdapat banyak langkah yang perlu dibuat untuk mendapatkan data. Namun begitu, kami amat teruja untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan aplikasi ini kerana pengetahuan ini dapat digunakan pada masa akan datang. Kami juga menyedari bahawa setiap orang tidak memiliki sebutan yang sama walaupun perkataan sama digunakan. Selain itu, kawasan amatlah mempengaruhi hasil data yang akan kita perolehi. Kita juga dapat membezakan lokasi yang sunyi akan membentuk suara yang lebih jelas dan bersih berbanding lokasi yang bising dan mempunyai gangguan. Kami juga mendapat ilmu baru bila menganalisis data untuk mengetahui sama ada data tersebut memiliki corak tundaan suara atau duluan suara, tanda bermulanya bunyi vokal dan bunyi akhir daripada rajah spektogram.

Secara keseluruhannya, tugas ini sangat menarik dan memberikan banyak pengetahuan yang baru kepada kumpulan kami. Pengajaran yang boleh diambil adalah untuk melakukan sesuatu perkara yang baru dan sukar, kita perlulah banyakkkan belajar dan bertanya untuk memastikan kita mengetahuinya. Hal ini supaya pada masa akan datang kita dapat mengajarkan orang lain pula untuk menggunakan aplikasi praat ini dengan ilmu dan pengetahuan yang kita ada.